

01 DEC 2003

Syed Hamid-EU/I

KERJASAMA EROPAH-ASIA PERLU BAGI PENYELESAIAN DI IRAQ - SYED HAMID

PUTRAJAYA, 1 Dis (Bernama) -- Malaysia meminta Kesatuan Eropah (EU) supaya memberi jaminan bahawa mereka boleh bekerjasama rapat dengan negara Asia lain dalam usaha mencari penyelesaian secara aman di Iraq.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sudah tiba masanya untuk Eropah dan Asia bekerjasama bagi membantu menghalang kecenderungan satu pihak dalam menangani masalah yang melanda Iraq.

"Kita perlu berkerja keras secara bersama bagi mencari penyelesaian muktamad dalam membawa keamanan dan demokrasi kepada negara dan rakyat Iraq," katanya.

Syed Hamid yakin bahawa setiap negara termasuk EU yang berpusat di Brussel dengan 15 negara anggota, boleh memberi sumbangan berkesan dalam mencari penyelesaian jangka panjang untuk kebaikan negara Iraq.

"Ini semua memerlukan kerjasama di kalangan negara termasuk EU," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi perbincangan semasa makan tengah hari dengan para duta EU yang diketuai Duta Itali ke Malaysia, Anacleto Felicani.

Syed Hamid berkata sebuah negara besar dan berkuasa pun sekali pun tidak akan dapat mencari pendekatan yang betul secara sendirian dalam menangani masalah sedia ada seperti pembunuhan di Iraq.

"Ianya sama seperti apabila kita menentang keganasan. Tidak ada sebuah negara yang berkuasa dapat mencari pendekatan betul mengenai Iraq kecuali kita bekerjasama," katanya.

Beliau berkata keamanan antarabangsa dan keselamatan merupakan tanggungjawab setiap negara dan mereka juga harus komited dalam mencari jalan keluar bagi Iraq supaya dunia dapat menikmati keamanan dan keselamatan.

Mengenai keadaan di Iraq, beliau berkata: "Peperangan sudah berakhir tetapi keamanan belum lagi dimenangi."

Syed Hamid berkata beliau memaklumkan pendirian Malaysia kepada Felicani bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu memainkan peranan utama dalam proses pembinaan semula Iraq dan membantu menubuhkan sebuah kerajaan demokratik sepenuhnya di negara itu.

Dalam mengkaji status hubungan politik dan ekonomi antara Malaysia dan EU, beliau berkata ianya berkembang maju dengan semangat muhibah dan persefahaman.

Beliau juga bertukar-tukar pandangan dengan Felicani mengenai peralihan kuasa Perdana Menteri Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Tidak ada pertukaran kerajaan...parti yang berkuasa masih sama dan hanya berlaku perubahan kepimpinan," kata Syed Hamid.

Beliau bagaimanapun menarik perhatian bahawa sudah tentu akan ada perubahan dalam corak kepimpinan apabila Abdullah kini menerajui kerajaan.

"Setiap individu yang mengambil alih kepimpinan akan memiliki cara dan gaya tersendiri untuk melakukan sesuatu tetapi dasar tetap sama," katanya.

-- BERNAMA

RIZ DC RON